

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JANUARI 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kongres himpun penyelidik universiti	Berita Harian
2.	El Nino dijangka beri kesan kepada hasil dan mutu beras	BERNAMA
3.	Time to forge closer ties in R&D	The Star

Kongres himpun penyelidik universiti

Bangi: Dalam usaha membu-
dayakan penyelidikan dan inovasi
pada peringkat pendidikan tinggi,
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM) menganjurkan Kongres
Penyelidikan dan Inovasi yang
menghimpunkan penyelidik serta
pelajar daripada pelbagai universiti,
baru-baru ini.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr
Noor Azlan Ghazali, berkata seba-
gai universiti penyelidikan (RU),
pihaknya sudah menggerakkan pe-
bagai sumber untuk mencapai misi
menerusi enam bidang keberhasilan
utama terutama dalam aspek pen-
yelidikan dan inovasi berimpak tinggi.

"Sehingga November 2015, kami
berjaya memperoleh geran pen-
yelidikan sebanyak RM54 juta dengan
693 projek penyelidikan yang dipero-

leh daripada pelbagai sumber anta-
ranya, Kementerian Sains, Teknologi
dan Inovasi (MOSTI). Pembiayaan
dana ini juga banyak membantu
dalam meningkatkan prestasi pen-
yelidikan universiti ini.

"Kami juga memperkenalkan
konsep bicara tuntas pada pengan-
juran kongres kali ini yang mana
pelajar diberi peluang untuk mem-
persembahkan hasil penyelidikan
mereka selain memperkukuh hu-
bungan wakil pelajar dari pelbagai
universiti," katanya pada majlis
perasmian Kongres Penyelidikan
dan Inovasi, baru-baru ini.

Bicara tuntas

Bertema Inspirasi Pemangkin Ino-
vasi, kongres itu dirasmikan oleh
Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr



Abu Bakar (dua dari kanan) beramah mesra dengan pemenang pertandingan Bicara Tuntas.

Abu Bakar Mohamad Diah.

Dalam perkembangan berkaitan,
Abu Bakar berkata, penyelidik perlu
bersedia untuk memastikan setiap
inovasi dan penyelidikan yang diha-
silkan dapat dikomersialkan seiring
dengan Tahun Pengkomersialan

Produk, tahun depan.

Bersempena dengan kongres itu,
program lain turut diadakan termasuk
sesi forum, bicara tuntas pelajar dan
penyelidik universiti, pameran kesiha-
tan, gerai jualan dan pameran inovasi.

Pada pertandingan Bicara Tuntas,

Tan Niu Jin dari Universiti Putra
Malaysia (UPM) dipilih sebagai
pemenang utama dengan membawa
pulang hadiah RM3,000 manakala
Mohd Izwan Md Yusof dari UKM di
tempat kedua dan Dr Siti Aimi Sarah
Zainal Abidin (UPM) di tempat ketiga.



El Nino Dijangka Beri Kesan Kepada Hasil Dan Mutu Beras

PUTRAJAYA, 20 Jan (Bernama) -- Keadaan suhu yang tinggi ekoran fenomena El Nino yang melanda negara buat masa ini dijangka menjejaskan mutu beras yang dihasilkan dalam bentuk biji beras retak dan berkapur, kata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam satu kenyataan hari ini, kementerian itu menyatakan bahawa peningkatan suhu dan pengurangan hujan dalam tempoh yang panjang akan menjejaskan hasil pengeluaran padi.

"Bagaimanapun, ini bergantung kepada varieti yang diusahakan dan kawasan penanaman.

"Secara umumnya, suhu optimum penanaman padi adalah di antara 24C hingga 34C dan hujan tahunan melebihi 2000 mm," katanya.

Menurut [Jabatan Meteorologi](#), fenomena El Nino akan menyebabkan peningkatan suhu sebanyak 0.5 ke 2.0 darjah Celsius dan pengurangan hujan di antara 20 hingga 60 peratus menyebabkan cuaca panas dan kering dijangka melanda negara bermula Januari hingga Mac ini.

Katanya hasil penyelidikan oleh International Rice Research Institute (IRRI) menunjukkan bahawa kenaikan suhu pada waktu malam sebanyak satu darjah Celsius boleh mengurangkan hasil padi kira-kira 10 peratus.

"Jangkaan suhu, tahap karbon dioksida, dan kelembapan serta saling hubungkait antara faktor-faktor ini merupakan antara cabaran dalam meramal hasil padi pada masa hadapan," katanya.

Kementerian itu menjelaskan, corak hujan yang tidak teratur dan tekanan air meningkatkan intensiti beberapa penyakit padi seperti "brown spot and blast" (karah daun padi) yang menyumbang kepada pengurangan hasil padi.

Menurut kementerian pada 1998, hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) didapati berkurangan daripada 4.88 tan/ha kepada 4.45 tan/ha setelah berlaku peningkatan suhu dari 28.5 darjah Celsius kepada 29 darjah Celsius.

Catatan menunjukkan El Nino pernah menyerang negara Asia Tenggara termasuk Malaysia pada 1983, 1987, 1991, 1993 dan menjadi lebih teruk bermula dari 1997, tambahnya.

-- BERNAMA

